



مجلس باندراي ملاك برسجاره  
**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**  
**BANDARAYA WARISAN DUNIA**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<b>MBMB/SH/2024/119</b> <b>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN SISTEM PINTAR KAWALAN TRAFFIK MBMB SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MBMB BAGI TEMPOH 2024-2025</b>  <b>Peruntukan : MARRIS</b>  <b>Tarikh Kelulusan : 2/10/2024</b>  <b>No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00009/8(TS)</b>	<b><u>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</u></b>  Gred G3 (Seluruh Negeri Melaka) ; atau  Gred G4 ; atau  Gred G5 ; atau  Gred G6 ; atau  Gred G7  Kategori ME  Pengkhususan E02, E04 & E11	<b><u>HARGA</u></b>  <b>RM10.00</b> <b>* Tidak akan dikembalikan</b>  <b><u>TARIKH</u></b>  <b>9 Oktober 2024 (Rabu) sehingga 16 Oktober 2024 (Rabu)</b>	<b>Rabu, 9 Oktober 2024 Jam 10.00 pagi</b> Berkumpul di Auditorium MBMB Bangunan Teknikal Graha Makmur  1. Lawatan tapak adalah <b><u>DIWAJIBKAN</u></b>  2. Hanya pegawai syarikat yang di tauliahkan di dalam sijil (SPKK) yang sah sahaja dibenarkan membuat pendaftaran Lawatan Tapak  3. Surat Kebenaran Khas daripada CIDB adalah <b><u>TIDAK DIBENARKAN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b>  <b>16 Oktober 2024 (Rabu) pada jam 12.00 tengahari</b>  Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.  -----  Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **9 Oktober 2024 (Rabu) sehingga 16 Oktober 2024 (Rabu)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,  
**DATUK BANDAR**  
**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**  
sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PK  
Ketua Audit Dalam